



NO FAIL :

NO RESIT :

**MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA**  
**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN**  
**JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR, KEDAH.**  
**TEL : 04-733 2499 / 2500 / 2501 / 2502 FAX : 04-733 4377**

**SYARAT-SYARAT LESEN PASAR MALAM / SEHARI**

**LESEN TAMAT PADA :** \_\_\_\_\_

1. Tiap-tiap peniaga kecil yang menjalankan perniagaan di Pasar Malam Pasar Sehari di dalam kawasan Bandaraya Alor Setar hendaklah mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar MBAS.
2. Peniaga Perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut masa operasi perniagaan yang dibenarkan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar. Masa operasi adalah seperti berikut.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PASAR PAGI</b>	<b>PASAR MALAM</b>
1.	WAKTU MASUK	6.00 PAGI	5.00 PETANG
2.	WAKTU KELUAR	12.00 TENGAHARI	12.00 MALAM

3. Lesen hendaklah dipamerkan semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik.
4. Tempoh sah lesen adalah **SATU (1) tahun** dari tarikh lesen diluluskan dan perlu diperbaharui sebelum/pada tarikh tamat tempoh tersebut. Pihak MBAS boleh membatalkan lesen jika tidak beroperasi dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari atau tidak menjalankan perniagaan tanpa memberi notis kepada MBAS.
5. Lesen yang gagal diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan **denda** mengikut tempoh kelewatan pembaharuan.
6. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan yang tertera didalam kad lesen dan nombor petak yang diluluskan sahaja.
7. Tiap-tiap peniaga kecil yang menjalankan perniagaan perlu menjelaskan bayaran fi petak sebanyak RM 5.00 sehari untuk satu petak. ( bagi pasar malam / pasar pagi / pasar sehari )
8. Semua peniaga yang berlesen dan menjalankan perniagaan di tapak Pasar Pagi / Sehari / Malam / Uptown hanya dibenarkan dua (2) petak sahaja.
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan petak pasar malam / sehari bebas dari apa-apa jenis halangan yang timbul dari/atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan apa-apa barang melepasi garisan-garisan perenggan yang menunjukkan kawasan gerai/petaknya;
10. Peniaga tidak dibenarkan membawa masuk kenderaan kedalam petak perniagaan sepanjang operasi pasar malam / pagi / sehari. Tiada mana-mana pemegang lesen dibenarkan memaku tempat dipetaknya bagi tujuan mendirikan gerai.
11. Pemegang lesen **tidak dibenarkan menjual RACUN MAKHLUK PEROSAK** tanpa kelulusan daripada Jabatan Pertanian.
12. Tiada mana-mana pemegang lesen dibenarkan membuang sampah sarap dari apa jua hasil dari/atau berkaitan dengan perniagaan ke atas mana-mana jalan, tempat awam atau tempat lalu lalang ataupun ke dalam mana-mana longkang;
13. Tidak dibenarkan meninggalkan sebarang peralatan perniagaan atau apa-apa benda di tapak/lokasi perniagaan selepas waktu perniagaan.
14. Segala sampah-sarap berpunca daripada perniagaan yang hendak dibuang secara terkawal di mana sampah perlu dimasukkan ke dalam karung plastik / guni / jaras dan hendaklah dikumpulkan di petak masing-masing. Tindakan undang-undang di ambil ke atas mana-mana pemegang lesen yang melanggar arahan ini.
15. Bayaran denda akan dikenakan sebanyak RM 30.00 diatas kehilangan penggantian kad lesen;

16. Menggantikan penggunaan pembungkusan makanan polisterina dengan penggunaan pembungkusan makanan yang mesra alam atau boleh dikitar semula.
17. Mana-mana pemegang lesen yang gagal menjalankan perniagaan dipetak yang dikhaskan untuknya **TIGA (3) kali berturut-turut**, pihak Majlis akan menarik balik kelulusan petak tersebut tanpa apa-apa pampasan dan bayaran.
18. Tidak dibenarkan menjual / menyewa atas sub lot yang disediakan oleh Pihak Majlis dan sekiranya didapati perkara ini berlaku, lesen akan dibatalkan dengan serta merta;
19. Peniaga atau pembantu warga asing adalah tidak dibenarkan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati terdapat peniaga atau pembantu warga asing di tapak.
20. Semua peniaga-peniaga digalakkan untuk menyediakan Bar Code (Pay) Bank Berdaftar bagi memudahkan transaksi bayaran tunai (cashless) di gerai.
21. Semua jenis perniagaan **digalakkan dan memperkenalkan beg alternatif (beg bio)** yang boleh diguna semula bagi menggantikan beg plastik.
22. Menggantikan penggunaan pembungkusan makanan polisterina dengan penggunaan pembungkusan makanan yang mesra alam atau boleh di kitar semula.
23. Penyedut minuman **plastik ( straw ) tidak digalakkan** kepada pelanggan.
24. Bagi peniaga-peniaga hasil laut ( ikan, udang, sotong dan lain-lain ) perlu memastikan air daripada meja jualan perlu mempunyai takungan dan diselenggara dengan sempurna supaya tidak melimpah di atas tapak jualan;
25. Memastikan tempat letak kenderaan adalah dalam keadaan yang tersusun bagi memastikan setiap pengunjung yang datang dapat meletakkan kenderaan mereka ditempat yang sepatutnya dan tidak meletakkan kenderaan ditempat yang boleh menimbulkan kesesakan lalulintas;
26. Bagi peniaga pasar malam, penggunaan tenaga elektrik yang menggunakan mesin seperti ”gan-set” atau bateri berkuasa tinggi, peniaga perlu meletakkan peralatan tersebut di belakang tapak perniagaan bagi mengelakkan sebarang pencemaran dan ketidakselesaan pengunjung;
27. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mematuhi arahan semasa yang di keluarkan oleh pihak Majlis atau Pegawai Majlis samada bertulis atau lisan bagi melicinkan perjalanan Pasar Malam/ Pasar Sehari
28. Pihak Majlis akan mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, MBAS boleh membatalkan lesen dengan serta merta.
29. Setiap arahan daripada Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dan pihak Majlis boleh menurut bicaranya menggantung/ membatalkan/ enggan memperbaharui lesen tanpa sebarang sebab dan notis.
30. Pihak MBAS berhak untuk menarik balik kelulusan lesen dan petak sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan di patuhi.
31. Majlis Bandaraya Alor Setar akan melaksanakan transaksi bayaran tanpa tunai (cashless) sepenuhnya di semua kaunter bayaran MBAS. Semua dinasihatkan supaya mengaktifkan Kad Kredit/ Kad Debit / Perbankan Online bagi memudahkan urusan pembayaran tanpa tunai (cashless).

### **PENGAKUAN PELESEN**

Saya dengan ini mengaku jika syarat-syarat ini gagal dipatuhi, pihak Majlis berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

.....

Tarikh : .....